

BLANK PAGE

IMBUHAN (20 markah)

Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tahukah kamu, apakah punca keracunan makanan?

Keracunan makanan berlaku apabila terdapat kuman yang hidup dan **(1)**_____ di dalam makanan yang telah rosak. Selalunya, ini berpunca daripada makanan yang tidak **(2)**_____ dengan betul. Kuman boleh hidup di dalam makanan yang kurang dimasak, tidak **(3)**_____ atau tidak disimpan di dalam peti sejuk dengan cara yang betul.

Menurut **(4)**_____, keracunan makanan terjadi apabila kuman dan bakteria yang **(5)**_____ seperti campylobacter dan salmonella berada di dalam makanan.

Ada kalanya, produk makanan yang **(6)**_____ penuh dengan serpihan bahan-bahan asing seperti kaca, paku, batu dan rambut.

Makanan yang **(7)**_____ ini juga berisi toksin atau racun semula jadi seperti yang **(8)**_____ pada sesetengah jenis kulat, cendawan dan kehidupan laut.

Akhir sekali, keracunan makanan **(9)**_____ apabila makanan disaluti oleh bahan-bahan kimia seperti racun serangga, pencuci pakaian dan cat. Bahan-bahan ini akan **(10)**_____ lalu keracunan makanan akan berlaku.

Justeru, kita perlu berhati-hati dalam memilih makanan.

- | | | |
|----|----------------------------------|-------------------------------------|
| 1 | (1) dibiak
(3) pembiak | (2) membiak
(4) pembiakan |
| 2 | (1) dibersihkan
(3) sebersih | (2) membersihkan
(4) terbersih |
| 3 | (1) bertapis
(3) tapisan | (2) ditapis
(4) tapiskan |
| 4 | (1) dikaji
(3) mengkaji | (2) kajian
(4) terkaji |
| 5 | (1) berbahaya
(3) terbahaya | (2) membahayakan
(4) sebahaya |
| 6 | (1) berhasil
(3) menghasilkan | (2) dihasilkan
(4) terhasil |
| 7 | (1) cemari
(3) mencemari | (2) dicemar
(4) tercemar |
| 8 | (1) dikandung
(3) kandungkan | (2) kandungan
(4) terkandung |
| 9 | (1) dijadikan
(3) terjadi | (2) kejadian
(4) menjadi |
| 10 | (1) bercampuran
(3) dicampuri | (2) dicampurkan
(4) mencampurkan |

PERIBAHASA (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Zana tidak sabar untuk menonton rancangan kegemarannya di televisyen. Namun, sebelum berbuat demikian, Zana akan membantu ibunya mengemas rumah dengan (11) <u>putih hati</u>.</p>	<p>11 (1) rajin (2) yakin (3) ikhlas (4) ghairah</p>
<p>“Ibu, saya telah mengemas katil dan juga menyapu lantai. Nanti, saya akan masak nasi pula,” jelas Zana dalam mesej yang telah ditaipkan kepada ibunya.</p>	<p>12 (1) sangat rapat (2) sangat cocok (3) sangat teguh (4) sangat sesuai</p>
<p>Semenjak ayahnya bekerja di luar negara, hubungan Zana dengan ibunya (12) <u>bagai isi dengan kuku</u>. Walaupun dahulu, Zana pernah bertengkar dengan ibunya, dia telah meminta maaf daripada ibunya, untuk (13) <u>berdamai dan melupakan pertelingkahan</u>.</p>	<p>13 (1) air dicencang tiada putus (2) buang yang keruh ambil yang jernih (3) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga (4) hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih</p>
<p>Ibu Zana seorang yang amat positif dan sering menasihati Zana agar (14) <u>berasa senang atau mempunyai perasaan yang sabar</u> apabila menghadapi masalah. Zana bersyukur mempunyai seorang ibu yang (15) <u>baik budi</u>. Dia berjanji untuk menjadi anak yang bertanggungjawab agar dapat membalas jasa ibu dan ayahnya kelak.</p>	<p>14 (1) tahan hati (2) rendah hati (3) lapang dada (4) tangan terbuka</p>
	<p>15 (1) suka memberikan bantuan (2) mudah menyatakan pendapat (3) bercakap dengan lemah lembut (4) berperangai mulia dan berniat baik</p>

GOLONGAN KATA (10 markah)

Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Waktu rehat tinggal sepuluh minit sahaja. Namun, Zaki masih belum kelihatan lagi. Khairi menunggu di **(16)** _____ sambil menimbang bola raganya. Mereka sudah berjanji untuk bermain sepak raga bersama-sama.

Rupa-rupanya, Zaki sedang duduk di bawah **(17)** _____ pokok. Khairi terus berlari ke arahnya lalu **(18)** _____ kawannya itu.

“Zaki, mengapa pula awak duduk di sini?” tanya Khairi.

Zaki kelihatan sangat **(19)**_____. Dia menceritakan masalahnya kepada Khairi. Ayah Zaki telah diberhentikan kerja secara mendadak. Ibunya pula sedang **(20)** _____ di hospital. Kini, mereka sekeluarga ikat perut dan berjimat-cermat. Zaki cuba menahan air matanya. Khairi turut bersimpati lalu mengambil keputusan untuk memberitahu guru mereka tentang perkara itu.

- 16**
- (1) balkoni
 - (2) padang
 - (3) makmal
 - (4) gelanggang

- 17**
- (1) sebuah
 - (2) segugus
 - (3) sekeping
 - (4) sebatang

- 18**
- (1) menyapa
 - (2) menikam
 - (3) mengetuk
 - (4) menyentuh

- 19**
- (1) sugul
 - (2) curiga
 - (3) kecewa
 - (4) kasihan

- 20**
- (1) dijaga
 - (2) dirawat
 - (3) dipaksa
 - (4) dipenjara

KEFAHAMAN 1 (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Perbuatan membuli di ruangan siber adalah satu kesalahan yang biasa berlaku sejak kebangkungan ini. Pembulian siber adalah satu perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang dengan menggunakan media elektronik seperti mesej teks, ruang sembang, e-mel, aplikasi di telefon bijak, ruangan media sosial atau permainan Internet.

Jenis-jenis pembulian siber ialah seperti mesej yang mengganggu dan mengancam, menyalah gunakan kata laluan atau nama skrin orang lain untuk menyamar sebagai orang lain. Selain daripada itu, menghantar atau melanjutkan kiriman mesej, e-mel, foto atau video kepada orang lain tanpa kebenaran serta memuat naik komen atau gambar yang tidak senonoh juga dianggap sebagai pembulian siber. Bukan itu sahaja, perbuatan memulaukan seseorang individu di Internet dengan sengaja juga merupakan suatu perbuatan pembulian siber.

Perbuatan pembulian siber lebih dahsyat daripada perbuatan membuli yang lain. Pembuli siber juga sukar untuk dikenal pasti kerana mereka boleh merahsiakan identiti sebenar. Pembulian siber juga berlaku dalam dunia siber yang tidak bersempadan. Oleh sebab itulah, mangsa sukar untuk melindungi diri mereka.

Kesan pembulian siber yang teruk boleh menyebabkan mangsa menjadi resah, murung serta mendapat tekanan mental. Dalam kes yang ekstrim, pembulian siber boleh menyebabkan mangsa membunuh diri. Walau bagaimanapun, pembulian siber dapat dicegah dengan mengamalkan keselamatan Internet iaitu mengetahui etika melayari internet atau menggunakan telefon bijak dengan betul. Selain daripada **itu**, elakkan berkongsi butiran peribadi anda di Internet dan jaga nada serta makna mesej yang ditaip yang hendak dihantar kerana boleh disalah tafsir.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

- 21** Pembulian siber dilakukan melalui penggunaan _____.
- (1) e-mel
 - (2) media elektronik
 - (3) foto atau video orang lain
 - (4) mesej yang mengganggu
- 22** Perkataan 'itu' dalam perenggan keempat merujuk kepada _____.
- (1) mesej yang mengancam
 - (2) jenis-jenis pembulian siber
 - (3) menyalah gunakan nama skrin
 - (4) mengamalkan keselamatan internet
- 23** Mangsa pembuli siber susah hendak melindungi diri mereka sendiri kerana _____.
- (1) perbuatan pembuli siber amat dahsyat
 - (2) perbuatan pembulian siber berlaku sepanjang masa
 - (3) pembuli siber melanjutkan kiriman video yang tidak senonoh
 - (4) pembulian siber berlaku dalam dunia siber yang tidak bersempadan
- 24** Jika menaip mesej untuk dihantar hendaklah berhati-hati kerana penerima boleh _____.
- (1) membunuh diri
 - (2) menjadi sangat resah
 - (3) melanjutkan kirimannya
 - (4) tersalah tafsir maknanya
- 25** Perkataan 'dicegah' dalam perenggan terakhir bermaksud _____.
- (1) ditarik
 - (2) dibelah
 - (3) dilarang
 - (4) dihalang

BLANK PAGE

FRASA (8 markah)

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) cerita itu benar terjadi
- (2) tidak berlari di jalan raya
- (3) untuk menyeberang jalan raya
- (4) awak mendengar cerita itu juga
- (5) telah mengalami kecederaan yang serius
- (6) mematuhi kesemua undang-undang jalan raya

Katijah : Sofi, saya terdengar kawan-kawan bercerita tadi. Seorang murid dari sekolah kita telah dilanggar oleh sebuah kereta.

Sofi : Saya juga terdengar berita itu. Adakah **(26)** _____?

Katijah : Ya, pasti benar kerana cerita tentang kemalangan itu telah disiarkan dalam akhbar hari ini. Menurut laporan berita, murid tersebut **(27)** _____.

Sofi : Murid itu telah dilanggar kereta kerana tidak mengikut tanda lampu isyarat yang disediakan. Dia berlari **(28)** _____ semasa lampu isyarat menunjukkan isyarat orang merah.

Katijah : Guru-guru sekolah kita telah berkali-kali mengingatkan agar kita gunakan kemudahan lalu lintas kerana nyawa kita sangat berharga. Kemalangan dapat dielakkan jika kita **(29)** _____

Sofi : Saya berharap kemalangan seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Katijah : Saya juga begitu. Marilah kita bertanyakan kepada Cikgu Idris jika kita boleh mengumpul derma untuk membantu murid itu.

Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

SEKOLAH RENDAH CEMPAKA NORTH

mempersalahkan

Pertandingan Tarian Kontemporari

Kami ingin menjemput mereka yang gemar tarian kontemporari untuk menyertai pertandingan yang akan diadakan semasa sambutan Hari Kanak-Kanak, 10 Oktober 2024.

Jika kamu berminat, sila datang sesi uji bakat pada tarikh dan waktu berikut:

Setiap pemenang akan menerima sebuah trofi dan wang tunai bernilai \$100.



Rabu, 28 Ogos 2024
2 petang hingga 6 petang
Bilik Muzik 'Galaxy'

Syarat-syarat penyertaan:

- Sesi uji bakat dibuka kepada murid-murid Darjah 3 hingga Darjah 6.
- Murid boleh memilih tiga kategori iaitu Kategori Individu, Kategori Berpasangan dan Kategori Berkumpulan.
- Sila ambil borang pendaftaran daripada Cikgu Sazali mulai 1 Ogos 2024.
- Borang harus diisi dengan butiran lengkap dan harus dihantar selewat-lewatnya pada 20 Ogos 2024.
- Untuk pertanyaan lanjut, sila jumpa Cikgu Zaiton atau Cikgu Sazali.



Jangan lepaskan peluang ini! Daftarlah segera!

Semua murid yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini akan mendapat sijil penyertaan daripada pengetua, sebagai tanda penghargaan.

Peserta yang terpilih pula akan

- mendapat baju kemeja-T Tarian Kontemporari secara percuma!
- Dapat mengikuti kursus Tarian Kontemporari yang akan dijalankan oleh Tuan Nick Cartel, guru tarian terkenal dari Amerika Syarikat, selama dua minggu.

Arahan: Berdasarkan poster di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

30 Tujuan utama iklan ini adalah untuk _____.

- (1) membuat persembahan Hari Kanak-kanak
- (2) membuat satu persembahan tarian kontemporari
- (3) mencari peserta-peserta untuk pertandingan tarian
- (4) menyedarkan murid akan kegemaran mereka seni tari

31 Tarikh terakhir borang penyertaan perlu dihantar ialah pada _____.

- (1) 1 Ogos 2024
- (2) 20 Ogos 2024
- (3) 28 Ogos 2024
- (4) 10 Oktober 2024

32 Sebagai tanda penghargaan kepada kesemua peserta, mereka yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini akan _____.


- (1) berjumpa dengan Cikgu Sazali
- (2) diberi sijil penyertaan daripada pengetua sekolah
- (3) mengambil borang penyertaan daripada Cikgu Zaiton
- (4) berpeluang menari semasa sambutan hari kanak-kanak

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	

Qistina seorang penggemar tarian kontemporari. Kamu ingin mengajak rakan kamu itu untuk mengambil bahagian dalam sesi uji bakat Pertandingan Tarian Kontemporari bersama dengan kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih jika kamu berdua melalui uji bakat tersebut.

Gunakan informasi dalam brosur di halaman 3 untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)



Qistina, saya ingin mengajak kamu ke sesi uji bakat Pertandingan Tarian Kontemporari ini. Jika kita menyertai uji bakat ini, kita akan _____

BLANK PAGE

KEFAHAMAN 2 (22 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Raihana duduk termenung sambil melihat beg pakaianya. Air matanya bergenang. Sudah hampir satu jam Raihana menyediakan dan melipat pakaian serta barang keperluannya. Namun, beg pakaianya masih belum diisi lagi. Raihana berasa sangat sedih ketika dia mengemas beg pakaianya. Dia tidak mahu pergi ke luar negara. Dia tidak mahu meninggalkan keluarganya.

Semasa Raihana sedang sugul, Puan Zainab duduk di sisi anaknya dengan senyap. Beliau hanya memerhatikan gelagat anaknya tanpa berkata apa-apa. Beliau tahu jika beliau menegur anaknya itu, Raihana pasti akan menangis.

Tiba-tiba, air mata mula mengalir ke pipi Raihana. Dia sudah tidak dapat menahan perasaannya lagi.

“Raihana, mengapakah Raihana menangis? Ini merupakan peluang yang baik untuk Raihana. Tidak semua orang dapat mewakili sekolah sebagai Duta Bahasa Melayu Harapan untuk ke luar negara,” pujuk Puan Zainab.

Raihana pun meluahkan perasaannya kepada ibunya. Sebenarnya, dia bangga kerana telah dipilih untuk mewakili sekolahnya. Cuma ini merupakan kali pertama dia akan berjauhan daripada keluarganya selama sepuluh hari. Dia risau tentang keadaan keluarganya apabila dia di luar negara nanti.

“Raihana risau tentang keadaan Nenek yang sudah tua dan sering kali jatuh sakit. Lagipun semasa Raihana berada di luar negara nanti, tidak ada orang yang akan menjaga Adik semasa ibu dan ayah keluar bekerja,” kata Raihana kepada ibunya.

Puan Zainab cuba menenangkan Raihana. Beliau mendakap Raihana dengan erat sambil memujuk anaknya itu. Dia bersyukur kerana memiliki seorang anak yang penyayang seperti Raihana. Zaman sekarang, tidak ramai anak remaja akan mendahulukan keluarga mereka. Raihana juga amat mengambil berat tentang keadaan dan keperluan keluarganya.

“Usah risau tentang Ibu, Ayah, Nenek dan Adik. Ibu janji Ibu akan menjaga diri Ibu dan ahli keluarga yang lain. Raihana pergi ke sana untuk belajar dan meraih pengalaman. Raihana perlu cekat dan kuatkan semangat. Sekiranya Raihana hadapi sebarang masalah, segera beritahu Puan Tan yang akan menemani kamu di sana. Jangan susah hati tentang kami di sini,” pesan Puan Zainab kepada Raihana.

Setelah mendengar nasihat ibunya, Raihana mengesat air matanya. Walaupun hatinya masih terasa sebak, dia dapat menenangkan dirinya. Dia sedar bahawa dia pergi demi tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh sekolahnya. Selain itu, dia tahu bahawa dia juga akan mengharumkan nama sekolah dan keluarganya. Bukan untuk bersenang-lenang atau menghiburkan diri.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34 Berapa lamakah sudah Raihana mengemas pakaiannya?

(2 markah)

35 Nyatakan perasaan Raihana setelah diberi peluang untuk ke luar negara.

(4 markah)

36 Mengapakah Puan Zainab tidak menegur Raihana yang sedang sugul?

(2 markah)

37 Raihana seorang anak yang penyayang. Berikan **dua** bukti yang menunjukkan sikap tersebut.

(4 markah)

38 Apakah nasihat Puan Zainab kepada Raihana?

(4 markah)

39 Apakah yang Raihana sedari setelah dia menenangkan dirinya?

(4 markah)

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(2 markah)

(a) memeluk rapat

(b) teguh hati

Selesai

BLANK PAGE